

## COVID-19: Kilang gula MSM Prai kembali beroperasi

Oleh [Alzahrin Alias](#) - Jun 16, 2021 @ 1:45pm  
zahrin@bh.com.my



Kilang penapisan gula MSM Prai Bhd

---

KUALA LUMPUR: MSM Prai Bhd (MSM Prai), anak syarikat milik penuh MSM Malaysia Holdings Bhd membuka semula operasi kilang penapisan gula selepas mendapat kebenaran daripada kerajaan bermula 15 Jun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad, berkata pembukaan semula operasi itu akan dilaksanakan secara berperingkat.

"Ia juga adalah lebih awal daripada sasaran dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) serta panduan oleh pihak berkuasa bagi sektor industri," katanya dalam satu kenyataan.

MSM Prai sebelum ini menerima arahan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberhentikan sementara operasi pada 8 Jun 2021 sehingga 17 Jun 2021 bagi melaksanakan proses nyahjangkitan untuk membendung penularan COVID-19.

Syed Feizal berkata, sekiranya tiada sebarang kekangan operasi yang tidak diduga, MSM Prai dijangka akan mencapai semula momentum pengeluaran secepat mungkin selaras dengan prestasi kebolehupayaan dan pengeluaran yang konsisten di kilang.

"Kumpulan akan terus memantau tahap operasi di samping memastikan langkah pencegahan yang lebih ketat dilaksanakan bagi memenuhi kepentingan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan pekerja.

"MSM turut membuat permohonan bagi mendapatkan keutamaan dalam program vaksinasi untuk semua pekerja kerana kami dikategorikan sebagai salah satu pengeluar makanan keperluan asas," katanya.

Mengulas lanjut, Syed Feizal berkata, berdasarkan penilaian awal, impak penutupan sementara terhadap hasil dan pendapatan kumpulan dianggarkan kurang daripada lima peratus bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

Beliau berkata, MSM juga ketika ini dalam proses membuat tuntutan insuran kerugian sepanjang tempoh penutupan itu.

Katanya, pelan mitigasi katanya sudah dilaksanakan bagi mengelakkan kekurangan bekalan serta meminimumkan gangguan rantaian bekalan melalui penstrukturkan semula strategi kesinambungan perniagaan di samping menggunakan kebenaran permit bagi mengimport gula bertapis.

"Kapasiti pengeluaran MSM Prai kekal sebanyak 1.05 juta tan setahun dan bersedia mempertingkatkan pengeluaran bagi mencapai tahap penggunaan kapasiti seperti yang disasarkan pada 2021," katanya.

**AGENCY: Berita Harian**

**LINK:** <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/06/828450/covid-19-kilang-gula-msm-prai-kembali-beroperasi>